

Tanggungjawab Pemunya dan Pemilik Haiwan dalam Undang-undang Tort Islam

ABDUL BASIR MOHAMAD

ABSTRAK

Kesalahan-kesalahan tort boleh wujud sama ada daripada perbuatan manusia ataupun tidak, seperti daripada benda-benda dan juga haiwan. Jika benda-benda dan haiwan yang mengakibatkan kecederaan atau kematian dan sebagainya, pemunya atau penjaganya harus dikenal pasti. Undang-undang Islam sangat mengambil berat tentang hal tersebut, sehingga kesemua ulama mazhab Sunni membincangkannya dalam manuskrip-manuskrip mereka. Ia juga telah dikanunkan ke dalam beberapa undang-undang sivil negara Arab. Islam memberi kelonggaran kepada setiap orang boleh memelihara haiwan, tetapi dikehendaki mengawasi haiwan peliharaannya supaya tidak terlepas dan mencerobohi orang lain ataupun hartanya. Semua ini adalah untuk menjaga hak setiap individu dalam masyarakat dan menghormati darah dan nyawa mereka supaya ia tidak mudah dicerobohi. Hasilnya akan mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat.

ABSTRACT

Tort wrongs can exist either through the deeds of human beings or inanimate beings and also animals. If an injury or death has occurred through the acts of an inanimate being or animal, its owner or keeper should be identified. Islamic law primarily takes care of this matter, and it can be seen that all ulama of sunni schools of Islam discussing it in their manuscripts. Likewise, it has been codified into a few civil laws of Arab countries. Islam gives permission that every person can rear animals, however he is required to monitor such animals properly so that they do not break loose and move on their own accord, and trespass to another person or his property. This action is actually to take care of the right of individuals in society and respecting their blood and life in order to not being easily transgressed. As a result, peace and harmony will be established in the society.

PENDAHULUAN

Dalil dan tanggungjawab terhadap pemunya haiwan dalam Islam dapat dirujuk kepada beberapa hadis Rasulullah s.a.w. Hadis-hadis itu pula dapat digolongkan kepada dua kelompok. Pertama, hadis berkenaan dengan tiada apa-apa

tanggungan terhadap perbuatan haiwan. Kedua, hadis berkenaan dengan perbuatan haiwan tidak terlepas daripada tanggungan.

Untuk kelompok pertama hadis-hadisnya ialah:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. daripada Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Kerosakan yang terhasil daripada kakı haiwan adalah sia-sia (tidak dikenakan apa-apa tanggungan)” (Abu Daud 1950:4/196; al-Shawkani 1973: 5/324 dan 6/72).
2. Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. daripada Rasulullah s.a.w. yang bermaksud “Kecederaan yang disebabkan oleh haiwan adalah sia-sia (tidak dikenakan tundakan undang-undang)” (Al-Nawawi 1929:11/225; Abu Daud 1950:4/196).

Dua hadis tersebut menjelaskan bahawa setiap perbuatan salah yang terhasil daripada seekor binatang adalah tidak dikenakan apa-apa tanggungan atau pemunyanya terlepas daripada apa-apa tindakan undang-undang.

Imam al-Nawawi (w. 676H/1277M), ketika menerangkan maksud hadis nombor dua di atas, mengatakan jika didapati seekor haiwan melakukan kerosakan atau kecederaan tanpa disedari atau tidak ditemani oleh pemunyanya. Maka pemunya haiwan tersebut tidak bertanggungan sama ada ia berlaku pada waktu siang atau malam. Tetapi jika haiwan tersebut ditemani oleh seseorang sama ada sebagai penunggang, penuntun atau pemandu, maka tanggungan akan dibebankan ke atasnya (Al-Nawawi 1929:11/225). Hal keadaan yang sama juga disebut oleh Imam al-Shawkani (w. 1255H/1839M) ketika mensyarahkan hadis tersebut (Al-Shawkani 1973:5/325; lihat juga dalam al-Zuhayli 1995:98).

Dari segi zahir hadis tersebut bermaksud bahawa setiap perbuatan tort yang dilakukan oleh setiap haiwan tidak akan dikenakan bebanan tanggungan ke atas pemunyanya. Maksudnya segala tindakan yang dilakukan oleh setiap haiwan secara bersendirian dan tidak disifatkan sebagai ganas serta tidak wujud unsur kecuaian di pihak pemunyanya.

Untuk kelompok kedua, hadis-hadisnya ialah:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh al-Nu‘man b. Bashir daripada Rasulullah s.a.w., bermaksud: “Sesiapa memberhentikan seekor haiwan di sebatang jalan daripada jalan-jalan orang Islam atau di sebuah pasar daripada pasar-pasar mereka dan haiwan itu memijak seseorang dengan kaki depannya atau kaki belakangnya, ia bertanggungan” (Al-Shawkani 1973:5/324).
2. Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Shihab daripada Haram b. Sa‘d b. Muhyayyah: Bahawa unta kepunyaan al-Bara’ b. ‘Azib telah masuk ke dalam ladang kepunyaan seorang lelaki dan merosakkan tanamannya. Maka Rasulullah s.a.w. membuat keputusan dengan bersabda: “Pemunya ladang bertanggungjawab menjaga ladangnya pada waktu siang, dan pemunya haiwan adalah bertanggungan terhadap segala kerosakan yang dilakukan oleh

haiwannya pada waktu malam” (Malik b. Anas 1982:530; Abu Daud 1950:3/298; Ibn Hajar 1993:532; al-Suyuti t.th.:2/220).

Kedua-dua hadis di atas adalah dalil umum tentang tanggungan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh haiwan dan dianggap sebagai satu pengecualian kepada dua hadis dalam kelompok pertama.

Secara rasionalnya, perbuatan salah yang berhasil daripada haiwan seharusnya tidak dibebankan dengan apa-apa tanggungan, kerana haiwan dianggap makhluk yang tidak berakal dan sudah pasti tidak ada/wujud unsur berniat untuk melakukan sesuatu kerosakan.

Para ulama Islam berselisih pendapat mengenai maksud hadis yang dinyatakan sebelum ini yang bermaksud: “Kecederaan yang disebabkan oleh haiwan adalah sia-sia (tidak dikenakan tindakan undang-undang)”

Ulama mazhab Hanafi secara jelas memahami hadis tersebut mengikut maksudnya yang asal. Mereka berpendapat bahawa sesuatu kes kerosakan atau kecederaan yang dilakukan oleh setiap haiwan yang terlepas dan bergerak sendirian mengikut kehendaknya, pemunyanya tidak akan bertanggungan sama ada ia berlaku pada siang ataupun malam. Mereka menamakan binatang tersebut sebagai *al-munfalith* (haiwan yang terlepas dan merayau-rayau bersendirian) (al-Sarakhsı 1986:26/192; al-Marghinani t.th.:4/201). Imam al-Shafī'i menegaskan bahawa hadis itu adalah satu pernyataan umum, tetapi apa yang dikehendaki dengannya ialah suatu yang khusus. Beliau mengatakan bahawa perbuatan tort haiwan dalam kes tertentu tidak dikenakan tindakan undang-undang, tetapi pada kes lain boleh dikenakan tindakan undang-undang. Dalam hujahnya, beliau menghadkan hadis tersebut dengan hadis nombor dua pada kelompok kedua, iaitu hadis mengenai kes unta betina milik al-Bara' b. 'Azib ataupun yang diriwayatkan oleh Ibn Shihab (al-Shafī'i 1993:7/401-402). Ulama mazhab Maliki (Ibn Juzayy t.th.:219; al-Qarafi t.th.:4/186) dan Hanbali (Ibn Duyan 1984:1/439; al-Bahuti 1986:335) dalam menangani masalah ini didapati bersetuju dengan pendapat Imam al-Shafī'i.

Jumhur ulama memutuskan bahawa perbuatan tort haiwan tidak dikenakan tindakan undang-undang apabila perbuatan tersebut wujud daripada kehendaknya sendiri, iaitu bukan dirangsang oleh mana-mana pihak dan tiada unsur kecuaian di pihak pemunyanya serta bukan disifatkan sebagai haiwan ganas (al-Shawkani 1973:6/73). Mereka juga berpendapat bahawa tiada tanggungan terhadap perbuatan tort haiwan yang bertindak dengan kehendaknya sendiri pada waktu siang. Tetapi jika lau ditemani oleh penunggangnya atau penuntunnya atau pemandunya, tanggungan perbuatan tortnya itu akan dibebankan ke atas mereka itu tidak kira ia berlaku pada waktu siang ataupun malam (al-'Ayni t.th.:4/456; Ibn Hajar 1959:12/228).

Perselisihan pendapat yang wujud antara Imam Abu Hanifah dan jumhur ulama adalah berkait dengan jangka waktu berlakunya kerosakan atau kecederaan yang dilakukan oleh setiap haiwan. Jumhur ulama berpendapat

pemunya haiwan akan bertanggungan terhadap perbuatan tort haiwannya yang berlaku pada waktu malam sahaja, tidak pada waktu siang. Ini didasarkan kepada hadis al-Bara' b. 'Azib (Ibn Rushd t.th..2/242). Imam Abu Hanifah, pula memegang hadis yang kedua dalam kelompok yang pertama berdasarkan maknanya yang asal atau mengikut makna lahiriah. Hadis ini, seperti yang dinyatakannya, tidak menentukan sama ada perbuatan tort yang berlaku pada waktu malam atau siang, secara umumnya akan melepaskan pemunya haiwan daripada menanggung apa-apa tanggungan. Walau bagaimanapun, beliau memberi syarat bahawa pemunya haiwan tidak bertanggungan terhadap perbuatan tort haiwan apabila ia berlaku sendirian, sebaliknya, jika ia ditemani, pemunya bertanggungan (Ibn Rushd t.th..2/242).

Sebagai kesimpulan, terdapat perselisihan pendapat di kalangan ulama Islam untuk menentukan asas waktu tanggungan terhadap perbuatan tort haiwan. Abu Hanifah dan para ulama mazhabnya di satu pihak dan jumhur ulama yang terdiri daripada para ulama mazhab Shafi'i, Maliki dan Hanbali di satu pihak yang lain. Isu yang menjadi perselisihan ialah tentang waktu berlakunya perbuatan tort haiwan secara sendirian. Bagi pihak Imam Abu Hanifah, jikalau haiwan itu tidak ditemani, bermakna ia bersendirian dan melakukan kerosakan atau kecederaan kepada harta atau diri orang lain, pemunyanya tidak bertanggungan sama ada ia berlaku pada waktu siang ataupun malam. Adapun bagi pihak jumhur ulama, pemunya haiwan tersebut hanya tidak bertanggungan jikalau kerosakan atau kecederaan itu berlaku pada waktu siang sahaja, tidak pada waktu malam.

Dalam kes perbuatan tort haiwan yang berlaku ketika ia ditemani oleh pemunyanya, didapati tiada perselisihan pendapat di kalangan para ulama Islam. Pemunyanya itu akan bertanggungan tanpa mengira sama ada ia berlaku pada waktu siang ataupun malam.

PEMBAHAGIAN JENIS HAIWAN DAN LIABILITI

Haiwan dapat dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, haiwan yang mempunyai sifat merbahaya atau haiwan *ferae naturae*; dan kedua, haiwan yang mempunyai sifat tidak merbahaya atau *mansuetae naturae*.

Para fukaha Islam bersetuju sebulat suara mengatakan bahawa apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh haiwan sama ada dari kumpulan *ferae naturae* atau *mansuetae naturae*, maka sama ada penjaga, pemunya, pemilik, penganggung, pemandu, penuntun dan sebagainya adalah bertanggungan terhadap setiap kerosakan yang berlaku dan dikira sebagai *mutasabbib* (penyebab) kepada wujudnya kerosakan itu atau mempunyai niat jahat atau wujudnya kecualian ketika memelihara haiwan tersebut (Ibn Juzayy t.th..219; al-Nawawi 1958:4/204; al-Ghazali 1979:2/186). Sehubungan dengan ini, Imam al-Shirazi (w. 476H/1083M) berkata:

Jika seekor haiwan ditemani oleh pemunyanya dan ia melakukan kecederaan kepada seseorang atau kerosakan kepada harta seseorang dengan kakinya depannya atau kakinya belakangnya atau giginya, atau ia kencing di atas jalan raya yang boleh menyebabkan kematian seseorang (kerana terjatuh), pemunyanya bertanggungan dengan alasan haiwan itu di bawah pengawalannya. Tort yang dilakukan oleh haiwan itu dianggap seolah-olah dilakukan oleh pemunyanya (al-Shirazi 1995:3/207).

LIABILITI TERHADAP TORT HAIWAN *MANSUETAE NATURAE*

Jikalau seekor haiwan dari jenis *mansuetae naturae* melakukan perbuatan tort dengan sendirinya tanpa ditemani oleh pemunyanya atau penjaganya dan sebagainya, apakah mereka harus bertanggungan? Dalam hal ini, mereka tidak dikira sebagai *mutasabbib*, dan para fukaha Islam didapati berbeza pendapat.

Para ulama mazhab Hanafi berpendapat bahawa setiap kerosakan yang dilakukan oleh haiwan *mansuetae naturae* dengan sendirinya tanpa ditemani oleh pemunyanya atau penjaganya terhadap harta benda atau diri seseorang, sama ada pada waktu malam atau siang, sama ada di jalan raya atau di atas tanah kepunyaan orang lain, pemunyanya atau penjaganya itu tidak bertanggungan. Kerana Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah r.a. bermaksud: "Kecederaan yang disebabkan oleh haiwan adalah sia-sia (tidak dikenakan tindakan undang-undang)". Begitu juga, mengikut Muhammad b. al-Hasan al-Shaybani (w. 189H/804M), iaitu salah seorang ulama terawal mazhab Hanafi, yang berpendapat bahawa perbuatan haiwan tersebut bukanlah hasil daripada ia melepasnya atau memandunya (al-Marghinani t.th.:4/201; al-Haskafi t.th.:2/468-469; al-Sarakhsy 1986:26/192). Tetapi jika ia dilepaskan (*arsala*) untuk ke suatu tempat, pihak yang melepasnya itu bertanggungan tanpa mengira sama ada ia berlaku pada waktu siang ataupun malam (al-Dimashqi 1987:305; al-Sha'rani 1940:174).

Manakala mengikut pendapat para ulama mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali, pemunya haiwan *mansuetae naturae* hanya tidak bertanggungan jika kerosakan dilakukan di ladang atau di mana-mana sahaja pada waktu siang. Sebaliknya, dia bertanggungan jika kejadian itu berlaku pada waktu malam (al-Nawawi 1958:4/206; al-Mawaq 1992:6/323; al-Bahuti t.th.:2/430; Ibn Rushd t.th.:2/242). Ini adalah kerana berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang dinyatakan sebelum ini telah membebangkan tanggungjawab menjaga haiwan pada waktu malam ke atas pemunyanya, manakala tanggungjawab menjaga ladang atau tanaman pada waktu siang ke atas pemilik ladang.

LIABILITI TERHADAP TORT HAIWAN *FERAE NATURAE*

Untuk perbincangan ini, ia boleh dibahagikan kepada beberapa tajuk kecil iaitu, tort haiwan *ferae naturae* dari jenis lembu/kerbau yang suka menanduk, anjing garang, kucing yang rakus, ular, serangga dan sebagainya. Walaupun

begitu, tajuk yang akan dibincangkan adalah pandangan ulama mengenai tort terhadap lembu/kerbau yang suka menanduk dan anjing garang yang suka menggigit.

Para ulama mazhab Hanafi dan Maliki berpendapat bahawa pemunya haiwan tersebut bertanggungan terhadap segala perbuatan haiwannya selepas pemunya diberi tahu oleh salah seorang penduduk di kampung itu supaya mengawal haiwannya, tetapi ia tetap membiarkannya terlepas bebas dan melakukan kerosakan. Sebagai contoh, jikalau seorang pemunya telah tahu bahawa haiwan peliharaannya bersifat suka merosakkan atau merbahaya, seperti seekor lembu yang suka menanduk atau seekor anjing yang suka menggigit. Beliau telah diberitahu atau diberi amaran oleh salah seorang penduduk setempat supaya mengawal haiwannya itu, tetapi tidak memperdulikannya. Maka dia akan dibebankan tanggungan sekiranya haiwannya itu melakukan kerosakan atau kecederaan terhadap orang lain (al-Haskafi t.th.:2/470; al-Sheikh Nizam 1986:6/52; Malik b. Anas 1994:4/666; al-Qurtubi 1987:606).

Pada ulama mazhab Shafi'i dan Hanbali menegaskan bahawa pemunya haiwan *ferae naturae* bertanggungan terhadap setiap kerosakan atau kecederaan yang dilakukan oleh haiwannya sama ada pada waktu siang ataupun malam. Alasan mereka, pemunya dianggap sebagai *muta'addi* (penceroboh) dan *mufarrid* (orang yang cuai) kerana memiliki atau memelihara haiwan tanpa pengawasan yang rapi. Sepatutnya mereka mengikatnya dengan baik (al-Khatib t.th.:2/243; al-Bayjuri t.th.:2/469; al-Bahuti t.th.:2/426).

Daripada pendapat para ulama di atas, dapatlah disimpulkan bahawa mereka bersetuju mengatakan pemunya haiwan *ferae naturae* akan bertanggungan terhadap segala kerosakan dan kecederaan yang dilakukannya. Cuma ulama mazhab Hanafi dan Maliki sahaja nampaknya seperti mengenakan syarat iaitu, selepas diberitahu atau diberi amaran tentang haiwan tersebut oleh salah seorang penduduk setempat. Sementara mengikut ulama mazhab Shafi'i dan Hanbali, pemunya haiwan *ferae naturae* bertanggungan secara mutlak terhadap haiwannya itu jika ia melakukan kerosakan atau kecederaan kepada orang lain.

PIHAK YANG BERTANGGUNGAN TERHADAP PERBUATAN TORT HAIWAN

Apabila membincangkan pihak yang bertanggungan terhadap perbuatan tort haiwan, sudah pastilah ia menjurus kepada pemunyanya. Timbul soalan, terhadap haiwan yang berada di bawah jagaan orang lain yang bukan pemunyanya, seperti penjaga yang diamanahkan untuk menjaganya, peminjam, penyewa, perampas dan sebagainya.

Daripada penulisan-penulisan ulama dahulu, kebanyakan mereka menggunakan perkataan *sahib al-bahimah* atau *sahib al-dabbah* atau *sahib al-mashiyah* yang merujuk kepada pemunya haiwan. Di samping itu, beberapa

ulama Islam cenderung menggunakan perkataan *rabb* untuk pengertian pemunya. Dari itu, ia menjadi *rabb bahimah* atau *rabb mashiyah*.

Apabila diteliti penggunaan perkataan *sahib* dan *rabb*, timbul pertanyaan, apakah tanggungan hanya ditanggung oleh pemunya haiwan itu sahaja, tidak terhadap pihak-pihak lain yang ketika itu haiwan tersebut di bawah penjagaan pihak lain? Maka pengertian *sahib* atau *rabb* ini dapat difahami dengan meneliti beberapa pernyataan para ulama. Imam al-Sharqawi (w. 1227H/1812M), seorang ulama mazhab Shafii, mengatakan:

Dan apabila seekor haiwan merosakkan sesuatu, dan ia (pada ketika itu) bersama pemiliknya (*dhu al-yad*), sekalipun pemiliknya itu seorang penyewa atau perampas atau peminjam, adalah bertanggungan terhadap sesuatu yang ia (haiwan itu) telah merosakkannya sama ada (berbentuk) nyawa ataupun harta benda, sama ada berlaku pada waktu malam ataupun siang ... (al-Sharqawi 1891.2/446-447)

Imam Abu Yahya Zakariyya al-Ansari (w. 925H/1519M), seorang ulama mazhab Shafii, mengungkapkan:

Sesiapa menemanı atau mengiringi seekor haiwan sekalipun ia seorang penyewa atau peminjam atau perampas, adalah bertanggungan terhadap segala sesuatu yang haiwan itu merosakkannya sama ada (berbentuk) nyawa atau harta benda, (berlaku sama ada) malam atau siang ... (al-Ansari 1994:2/206)

Imam al-Sheikh Sulayman al-Jamal menghuraikan kata-kata Imam Abu Yahya Zakariyya al-Ansari terhadap ungkapan “sesiapa menemanı atau mengiringi seekor haiwan” dengan katanya:

Maksud menemanı atau mengiringi secara kebiasaannya adalah termasuk jika seseorang itu mengembala lembu di padang pasir, maka dia pada ketika itu dikira sebagai pengiring atau peneman (*musahib*) (al-Jamal t.th.:5/175).

Di samping itu, Imam al-Sheikh Sulayman al-Jamal menambah bahawa pihak yang bertanggungan terhadap apa yang dilakukan oleh haiwan adalah termasuk pemegang amanah, pemegang gadaian, pengusaha (*amil qirad*) dan sebagainya (al-Jamal t.th.:5/175).

Imam Muhammad al-Sharbini al-Khatib, seorang ulama mazhab Shafii yang hidup dalam kurun ke-10 Hijrah, menegaskan:

Sesiapa bersama seekor haiwan atau beberapa ekor haiwan sama ada ia seorang pemunya (haiwan tersebut) atau penyewa atau pemegang amanah atau peminjam atau perampas adalah bertanggungan terhadap kerosakan yang dilakukannya (haiwan itu), (sama ada dilakukan) dengan kakı depannya atau kakı belakangnya atau sebagainya, (sama ada berlaku terhadap) diri dan harta, (pada waktu) malam dan siang, kerananya (haiwan itu) di tangannya (kawalannya), dan di atasnya (perbuatan sengaja haiwan itu dan juga pengawalannya) (al-Khatib 1958:4/204).

Imam al-Bahuti (w. 1051H/1641M), daripada ulama mazhab Hanbali, menyatakan dalam tulisannya:

Dan jika seekor haiwan pada tangan seseorang (pada kawalannya), seperti pemandu yang boleh mengawalnya, penuntun yang boleh mengawalnya dan penunggang yang boleh mengawalnya, sama ada setiap pemandu, penuntun dan penunggang yang boleh mengawalnya itu seorang pemunya (haiwan tersebut) atau perampas atau pekerja atau penyewa atau peminjam atau seseorang yang diwasiatkan boleh mengambil manfaat daripadanya atau pemegang gadaian adalah bertanggungan terhadap sesuatu jenayah (yang dilakukan oleh haiwan itu) dengan kakinya hadapannya atau mulutnya atau pijakan dengan kakinya belakangnya, tidak terhadap libasan kakinya belakang tersebut (al-Bahuti 1982:4/126; lihat juga dalam al-Bahuti t.th..2/430).

Begitu juga telah disebut oleh Imam Ibn Duyan (w. 1353H/1934M) di dalam tulisannya:

Dan bertanggungan pemunya haiwan terhadap kerosakan yang dilakukan oleh haiwannya itu pada waktu malam jika kejadian itu berlaku disebabkan kecualiannya berdasarkan hadis Malik yang diriwayatkan daripada al-Zuhri ... dan sedemikian itu (bertanggungan juga) peminjamnya, penyewanya dan sesiapa yang menjaga atau memeliharanya, kerana tangannya (pengawalannya) berada padanya (haiwan tersebut) (Ibn Duyan 1984:1/439-440; lihat juga dalam al-Qari 1981:art. 1451, 451).

Imam Ibn Juzayy (w. 741H/1340M) daripada mazhab Maliki mengatakan:

Dan adapun sesuatu yang haiwan (*al-dawab*) telah merosakkannya dan jika (pada ketika itu) ia disertai oleh penunggang atau pemandu atau penuntun, maka ia bertanggungan terhadap sesuatu yang haiwan tersebut merosakkannya (sama ada) pada diri dan harta benda. Dan adapun sesuatu yang binatang ternakan (*al-mawashi*) telah merosakkannya (yang terdiri) daripada tanaman dan tumbuhan, maka jika (ia berlaku) pada waktu malam, (tanggungan dibebankan) ke atas pemunya binatang ternakan dan jika (ia berlaku) pada waktu siang, tiada tanggungan (dibebankan) ke atas mereka, melainkan mereka cuai menjaganya dan mereka tidak menegah (menghalang) daripada menghampiri tanaman, dan tanggungan pada ketika itu (dibebankan) ke atas pengembala (*ra'i*), bukan ke atas pemunya binatang ternakan (*sahib al-mashiyah*) ... (Ibn Juzayy t.th..219)

Ibn Farhun (w. 799H/1396M) yang juga seorang ulama mazhab Maliki mengatakan:

Dan segala sesuatu pada tanaman yang seseekor haiwan telah merosakkannya pada waktu siang, maka tiada tanggungan (dikenakan) ke atas pemunya haiwan (*arbab al-mawashi*), dan adapun pada waktu malam, maka tanggungan (dikenakan) ke atas mereka. Dan pendapat yang menafikan tanggungan terhadap kerosakan yang dilakukan oleh haiwan pada waktu siang, kerana sesungguhnya haiwan tersebut (disertai) bersamanya oleh pengembala ... dan apabila gugur tanggungan dari pemunya haiwan pada kerosakan yang berlaku pada waktu siang, maka tanggungan (dibebankan) ke atas pengembala jika ia cuai ... (Ibn Farhun, 1884:2/249)

Mengikut mazhab Hanafi, kebanyakannya ulamanya tidak begitu jelas menyebut ke atas siapa beban tanggungan patut dikenakan, sama ada ke atas pemunya,

atau peminjam jika lau haiwan itu dipinjam oleh seseorang dan sebagainya. Apa yang jelas daripada penulisan mereka ialah ungkapan penunggang, penuntun dan pemandu yang sering diulang-ulang dalam menentukan beban tanggungan bagi sesuatu kes perbuatan tort haiwan.

Daripada pemahaman itu, dapatlah dikatakan bahawa sesiapa sahaja yang menunggang, menuntun atau memandu seseekor haiwan, orang itu bertanggungan terhadap segala yang berlaku hasil daripada perbuatan haiwan tersebut.

Imam al-Zayla'i (w. 762H/1360M) mengatakan:

Segala kerosakan yang penunggang bertanggungan terhadapnya, pemandu dan penuntun juga turut bertanggungan. Ertinya setiap sesuatu yang penunggang bertanggungan terhadapnya, mereka berdua (pemandu dan penuntun) juga bertanggungan, kerana mereka juga (dikira) penyebab tidak langsung (*musabbib*) seperti mana penunggang ... (al-Zayla'i t.th.:6/150; lihat juga dalam al-Marghinani t.th.:4/199; al-Shaybani 1986:516; al-Haskafi t.th.:2/467; Husayn 1958:388; *Majallah*: art. 933; al-Kasani t.th.:7/280)

Daripada kenyataan di atas, didapati sesiapa sahaja yang menyertai atau mengiringi atau berjalan bersama-sama dengan setiap haiwan akan bertanggungan terhadap segala apa yang dilakukan oleh haiwan tersebut.

Imam al-Zayla'i juga menyatakan,

Sesiapa mengutuskan seekor haiwan (ke suatu tempat) dan haiwan itu ditemani oleh seorang pemandu, lalu haiwan itu mencederakan seseorang, ia (pemandu) bertanggungan kerana ia (dikira) penjaga haiwan tersebut dan disandarkan perbuatan haiwan itu kepadanya seperti mana disandarkan perbuatan pihak yang dipaksa kepada pihak yang memaksa (al-Zayla'i t.th.:6/152; lihat juga al-Sheikh Nizam 1986:6/52).

Daripada kenyataan ini juga didapati, sesiapa yang bersama dengan setiap haiwan, ia akan bertanggungan terhadap segala perbuatan yang dilakukannya, tanpa mempedulikan sama ada ia pemunya haiwan itu ataupun tidak.

Ringkasnya, dapat dikatakan bahawa sesuatu perbuatan tort yang dilakukan oleh seseekor haiwan kepunyaan seseorang, tidak semestinya pemunyanya sahaja yang bertanggungan. Semua pihak penjaga haiwan tersebut adalah bertanggungan, tidak kira peminjam, pemegang amanah, penyewa, perampas, pencuri, pengembala, penjaga dan sebagainya.

Siapakah penjaga haiwan? Diktakrifkan penjaga haiwan itu adalah seseorang di mana tali penambat haiwan di tangannya, sekalipun beliau peminjam, pemegang amanah, penyewa dan pencuri. Apabila seseekor haiwan itu dipindahkan atau diserahkan kepada seseorang, seperti kepada seorang pengembala, maka adalah tanggungjawabnya menjaga haiwan tersebut seperti pemunyanya yang sebenar dan segala perbuatan tort yang dilakukan oleh haiwan tersebut dirujukkan kepadanya.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP PERBUATAN TORT HAIWAN

Pada bahagian ini beberapa undang-undang sivil negara-negara Arab akan dirujuk. Perkara yang akan dirujuk hanyalah seksyen-seksyen yang berkenaan dengan haiwan.

Undang-undang Sivil Jordan tahun 1976 dalam seksyen 289 dan Undang-undang Sivil Emiriyah Arab Bersatu (lihat dalam al-Zuhayli 1995:112) dalam seksyen 314 menyatakan:

Perbuatan jenayah (yang dilakukan oleh) haiwan adalah sia-sia, tetapi perbuatan mudarat yang dilakukan olehnya dibebankan ke atas pihak yang memiliki kuasa terhadap haiwan tersebut (*dhi al-yad*) sama ada ia pemunya (*malik*) ataupun tidak apabila ia cuai atau menceroboh (*ta'adda*).

Seksyen 176 Undang-undang Sivil Mesir tahun 1948 menyebut:

Penjaga (*haris*) haiwan, sekalipun ia bukan pemunyanya (*malik*) adalah bertanggungan terhadap kemudaratan yang dilakukan olehnya (haiwan tersebut), sekalipun ia sesat atau merayau-rayau, selama mana penjaga tersebut tidak membuktikan bahawa berlakunya kejadian itu disebabkan pihak asing.

Didapati peruntukan Undang-undang Sivil Syria tahun 1949 dalam seksyen 177, Undang-undang Sivil Lubnan tahun 1932 dalam seksyen 129 dan Undang-undang Sivil Libya tahun 1953 dalam seksyen 179 bersamaan dengan peruntukan seksyen 176 Undang-undang Sivil Mesir di atas.

Undang-undang Sivil Tunisia tahun 1906 , seksyen 94 dan Undang-undang Sivil Marakish tahun 1912, seksyen 86 memperuntukkan:

Sesungguhnya seseorang itu (*al-mar'*) bertanggungan terhadap kemudaratan yang disebabkan oleh seseekor haiwan, yang mana haiwan tersebut di bawah penjagaannya, sekalipun haiwan itu sesat atau merayau-rayau, selama mana ia tidak membuktikan bahawa ia telah mengambil tindakan berhati-hati yang sepatutnya bagi mencegah haiwan tersebut daripada (melakukan) kemudaratan terhadap orang lain atau bagi mengawalnya atau perbuatan kemudaratan tersebut berlaku daripada sesuatu secara tiba-tiba atau secara tidak boleh dielakkan atau kesalahan pihak yang mengalami kecederaan itu sendiri.

Undang-undang Muamalat Sivil Sudan tahun 1984 memperuntukkan dalam seksyen 148 (1):

Setiap orang yang menjaga sesuatu, dia bertanggungjawab terhadap kemudaratan yang dilakukan olehnya (sesuatu tersebut) kepada orang lain sama ada sesuatu itu berupa haiwan atau benda, dan sama ada ia sesuatu yang boleh dipindahkan ataupun tidak boleh dipindahkan.

Dalam peruntukan seksyen 149 (1) berbunyi:

Dianggap sebagai penjaga (*haris*) bagi sesuatu barang, orang yang baginya dengan dirinya sendiri atau dengan perantaraan orang lain, mempunyai kuasa bertindak ke

atasnya (barang tersebut), dalam soal penjagaannya dan melakukan apa-apapun tindakan terhadapnya untuk kepentingan dirinya sendiri sekalipun dia belum *mumayyiz*.

Seksyen 149 (2) pula berbunyi:

Dianggapkan sesungguhnya pemunya (*malik*) sesuatu itu adalah penjaganya (*haris*) selama mana dia tidak membuktikan bahawa (kuasa/hak) penjagaan tersebut telah berpindah kepada pihak lain.

Seksyen 149 (3) memperuntukkan:

Hak penjagaan ke atas haiwan tetap kekal (di atas bahu pemiliknya) sekalipun ia sesat (hilang) atau menyelinap (merayau-rayau jauh).

Manakala Undang-undang Sivil Iraq tahun 1959 dalam seksyen 221 memperuntukkan:

Perbuatan jenayah (yang dilakukan oleh) haiwan adalah sia-sia, maka segala kemudaratan yang dilakukan oleh seseekor haiwan, pemunyanya (*sahib*) tidak bertanggungan, melainkan apabila terbukti bahawa dia tidak mengambil tindakan berhati-hati yang sepatutnya bagi mencegah kejadian (berlakunya) kemudaratan.

Seksyen 223 memperuntukkan:

Apabila seseorang memasukkan seseekor haiwan ke dalam (kawasan) milik orang lain, dia bertanggungan terhadap kemudaratan (yang dilakukan) oleh haiwan tersebut sama ada dia sebagai penunggang atau pemandu atau penuntun yang wujud bersama haiwan itu (pada ketika itu) ataupun tidak.

Dalam seksyen 224 diperuntukkan:

Tidak bertanggungan seorang pengguna jalan raya (yang berjalan) bersama haiwannya di jalan raya (sama ada) dia sebagai penunggang atau pemandu atau penuntun terhadap kemudaratan yang tidak mungkin untuk mengambil tindakan berhati-hati, maka jika kakinya menghemburkan debu atau lumpur, lalu mengotori pakaian seseorang, ia (pengguna jalan raya tersebut) tidak bertanggungan.

Daripada beberapa peruntukan Undang-undang Sivil tersebut, dapatlah dihuraikan sesuatu berkaitan dengan pemunya dan penjaga haiwan seperti berikut:

1. Undang-undang Sivil Mesir, Syria, Libya dan Lubnan menghuraikan maksud penjaga (*haris*) dengan berkata:

Sesungguhnya *haris* itu bukanlah seorang yang memiliki haiwan secara pemilikan fizikal sahaja, kerana pemilikan fizikal adalah merupakan satu perkara, dan penjagaan pula merupakan satu perkara yang lain. Pengembala (*rat'i* dan *sa'is*) memiliki pemilikan fizikal, tetapi dia tidak dikira sebagai *haris*, kerana dia tidak memiliki kuasa bertindak dalam soal penjagaannya dan pengawalannya (al-Zuhayli 1995:110-111).

Penjaga dan unsur penjagaan adalah elemen asas mengikut Undang-undang Sivil Mesir, Syria, Libya dan Lubnan dalam menentukan siapa yang

bertanggungan terhadap kecederaan dan kerosakan yang disebabkan oleh haiwan. Tetapi unsur penjagaan itu diikat dengan elemen kuasa bertindak (*al-saytarah al-fi'liyyah*) dan seseorang penjaga itu boleh mengecapi manfaat haiwan tersebut untuk dirinya. Maksud “kuasa bertindak” itu adalah kuasa melakukan segala tindakan terhadap haiwan yang di bawah pemilikannya atau pemunyaannya untuk kemaslahatannya atau kemanfaatannya. Oleh sebab itu, seseorang itu tidak dinamakan penjaga, sekiranya beliau tidak mempunyai kuasa bertindak, dan kuasa bertindak pula tidak wujud tanpa ada apa-apa tujuan atau niat, seperti mengambil manfaat. Oleh sebab itu, maksud *haris* daripada petikan di atas dihadkan kepada sesiapa yang mempunyai “kuasa bertindak”. Maka ketetapan kuasa bertindak itu dapat menjelaskan siapa itu “*haris*” (Taha 1984:376). Kuasa bertindak itu pula tidak semestinya diperolehi mengikut undang-undang, ia juga boleh diperolehi secara bertentangan dengan undang-undang, seperti mencuri. Pencuri haiwan adalah merupakan penjaga haiwan tersebut pada ketika itu (al-Zuhayli 1995:111).

2. Undang-undang Sivil Jordan dan Emiriyyah Arab Bersatu dalam peruntukannya agak lebih umum mengenai siapa yang bertanggungjawab. Penggunaan perkataan yang digunakan agak luas iaitu, *dhu al-yad* yang merangkumi sama ada penjaga haiwan atau sesiapa yang mempunyai kuasa terhadap haiwan tersebut, merupakan pemunyanya ataupun tidak.

Jikalau seekor haiwan itu melakukan sesuatu kecederaan atau kerosakan, pihak yang bertanggungjawab adalah *dhu al-yad* ke atas haiwan tersebut, sama ada pemunyanya sendiri atau peminjam atau penyewa atau perampas dan sebagainya.

Penggunaan perkataan *dhu al-yad* dalam Undang-undang Sivil Jordan dan Emiriyyah Arab Bersatu adalah bersamaan dengan penggunaan yang digunakan oleh seorang ulama mazhab Shafi'i, iaitu Imam Abu Yahya Zakariyya al-Ansari. Beliau telah menggunakan perkataan *dhu al-yad* yang memberi maksud sesuatu pihak terhadap setiap binatang di bawah kuasa penjagaannya. Beliau memberi pendapat kepada penulis-penulis lain yang cenderung menggunakan perkataan *sahib* dan sebagainya. Kerana mengikut beliau perkataan *sahib* itu lebih tertumpu kepada maksud pemunya sahaja, tidak merangkumi peminjam, penyewa, pemegang amanah, pemegang gadaian, perampas dan sebagainya, walaupun apa yang dimaksudkan oleh mereka adalah juga *dhu al-yad* (al-Ansari 1994:2/207; al-Khatib 1958:4/204).

Apabila disebut *dhu al-yad*, maka ia merangkumi sesiapa sahaja termasuk *ra'i*, iaitu pengembala. Oleh sebab itu, setiap haiwan yang diletakkan di bawah kuasa seseorang pengembala, lalu haiwan itu merosakkan tanaman orang lain, pengembala itu bertanggungan, bukannya pemunyanya kerana haiwan tersebut di bawah kuasanya. Tanggungan tersebut tidak dikaitkan dengan kuasa kawalan atau jagaan (*raqabah*) haiwan tersebut, memadai dengan *dhu al-yad* sahaja (al-Jamal t.th.:5/178; al-Zuhayli 1995:112).

Peruntukan kedua-dua Undang-undang Sivil ini yang menggunakan perkataan *dhu al-yad*, membawa erti sesiapa sahaja berada bersama haiwan di bawah jagaannya atau pemilikannya adalah bertepatan dengan kehendak Syarak, ini telah dipersetujui oleh kesemua ulama Islam. Cuma yang ingin diperjelaskan oleh ulama Islam adalah seseorang pengembala itu tidak akan bertanggungan selama mana ia tidak bersikap menceroboh (*ta'addi*) dan cuai (Ibn Qudamah 1947:5/495-496; al-Bahuti 1986:324; Malik b. Anas 1994:3/449; al-Khatib 1958:4/353; Ibn Duyan 1984:1/422).

3. Undang-undang Sivil Iraq didapati menggunakan perkataan *sahib* bagi sesiapa yang akan bertanggungan terhadap perbuatan setiap haiwan. Sepintas lalu, takrifan yang diberikan terhadap *sahib* itu merangkumi seperti mana yang dikehendaki oleh Undang-undang Sivil Jordan dan Emiriyah Arab Bersatu.

Daripada takrifan tersebut, dapatlah dikatakan bahawa maksud *sahib* dalam peruntukan Undang-undang Sivil Iraq itu adalah sama seperti yang diperuntukkan pada Undang-undang Sivil Jordan dan Emiriyah Arab Bersatu. Cuma yang membezakan adalah penggunaan perkataannya sahaja, iaitu *sahib*, bukannya *dhu al-yad*. Seterusnya, jikalau diteliti dalam beberapa seksyen, seperti pada seksyen 224, didapati perkataan penunggang, pemandu dan penuntun diperuntukkan. Perkataan-perkataan itu bermaksud sesiapa sahaja yang menyertai atau berjalan-jalan bersama-sama dengan haiwan, dia akan bertanggungan terhadap segala perbuatan haiwan tersebut tanpa mengira pemunya haiwan itu, peminjamnya, penyewanya dan sebagainya, termasuk pengembala dan penjaganya.

4. Undang-undang Muamalat Sivil Sudan menggunakan perkataan *haris* bagi menunjukkan maksud penjaga haiwan. *Haris* ini perlu kepada kuasa bertindak (*sultah fi'l-riyyah*), bukan hanya semata-mata bertugas menjaga atau mengembala sahaja. Jikalau semata-mata bertugas sebagai penjaga atau pengembala, beliau tidak dinamakan sebagai *haris*. *Haris* itu perlu ada kuasa bertindak mengenai pengawalan dan penggunaan terhadap haiwan.

Secara lahiriyahnya peruntukan ini seolah-olah sama dengan kehendak maksud *haris* dalam peruntukan Undang-undang Sivil Mesir, Syria, Libya dan Lubnan.

5. Dalam peruntukan Undang-undang Sivil Tunisia dan Marakish, didapati perkataan yang digunakan untuk menunjukkan seseorang yang bertanggungan terhadap mana-mana perbuatan tort haiwan agak umum. Tidak sama seperti yang terdapat dalam peruntukan undang-undang sivil negara-negara Arab lain. Perkataan yang digunakan adalah “*al-mar*” yang boleh diertikan sebagai sesiapa sahaja tanpa dikhususkan. Dari itu dapatlah dikatakan bahawa “*al-mar*” itu boleh merangkumi tidak kira ia pemunya haiwan,

peminjamnya, penyewanya, pengembalanya dan sebagainya, asalkan haiwan tersebut berada di bawah jagaannya (*hirasah*).

Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa undang-undang sivil ini, dari sudut pihak yang bertanggungan ke atas perbuatan tort haiwan, adalah bersamaan dengan peruntukan Undang-undang Sivil Iraq, Jordan dan Emiriyah Arab Bersatu. Kerana fokus yang diletakkan mengenai pemunya atau penjaga merangkumi kesemua orang tanpa mengira yang mempunyai kuasa bertindak ataupun tidak, asalkan haiwan tersebut berada di bawah jagaannya.

KESIMPULAN

Islam sangat mengambil berat tentang kecederaan atau kerosakan yang berlaku, tidak kira ia terjadi daripada perbuatan manusia sendiri ataupun lain-lain termasuk haiwan. Perbincangan tort haiwan bukanlah suatu perkara asing dalam undang-undang Islam, malah ia dibincangkan oleh semua mazhab dalam Islam termasuk mazhab Syiah. Para ulama Islam, telah menempatkan perbincangan ini secara khusus pada bab-bab tertentu dalam setiap penulisan. Bahkan dalam penulisan para ulama mazhab Hanafi, perbincangan ini telah dikhususkan di bawah tajuk Jenayah Haiwan.

Apabila diteliti dalam undang-undang Islam mengenai pihak yang bertanggungan terhadap perbuatan tort haiwan, didapati bahawa Islam telah menetapkan pemunya haiwan bertanggungan terhadap segala perbuatan tort haiwannya. Selain itu, tanggungan dibebankan juga kepada pihak yang haiwan itu bersamanya sama ada dengan izin pemunyanya, seperti doktor haiwan yang merawat haiwan, pemegang amanah dan sebagainya. Malah termasuk juga kepada peminjam dan pengembala. Juga kepada sesiapa yang menggunakan haiwan seseorang untuk mencederakan orang lain ataupun melakukan sesuatu tindakan. Seperti mengejutkan atau mencucuk atau memukul yang boleh menyebabkan haiwan seseorang, sama ada ia sedang ditunggangi ataupun tidak oleh pemunyanya, mencederakan orang lain atau merosakkan harta orang lain. Pihak yang menyebabkan haiwan tersebut terkejut itu akan bertanggungan terhadap segala perbuatan tort haiwan itu. Pihak penyebab ini biasanya disebut oleh para ulama Islam sebagai *al-nakhis*.

Jikalau ditinjau kepada undang-undang sivil yang telah dibentangkan, didapati Undang-undang Sivil Jordan, Emiriyah Arab Bersatu, Iraq, Tunisia dan Marakish bertepatan dengan kehendak undang-undang Islam. Undang-undang tersebut tidak mengkhususkan kepada pihak tertentu atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk mengkategorikan seseorang itu sebagai *haris*. Ini berlanian dengan Undang-undang Sivil Mesir, Syria, Libya, Lubnan dan Sudan yang lebih menjuruskan kepada “kuasa bertindak” untuk menentukan siapa *haris*. Dengan itu, mengikut undang-undang ini, *ra'i* biasanya tidak dikatakan *haris*, kerana ia tidak ada kuasa bertindak dan segala apa yang berlaku disebabkan haiwan yang dijaganya itu adalah dikembalikan kepada pemunya.

RUJUKAN

- Abu Daud, Sulayman b. al-Ash'ath al-Sijistani. 1369H/1950M. *Sunan Abi Daud*. Cairo: Matba'at al-Sa'adah.
- Al-Shawkani, Muhammad b. 'Ali b. Muhammad. 1393H/1973M. *Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar Sharh Muntaqa al-Akhbar*. Beirut: Dar al-Jil.
- Muslim, Abu al-Husayn b. al-Hajjaj al-Nisaburi. 1412H/1991M. *Al-Jami' al-Sahih*. English Translation by Hamid Siddiqi. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Malik b. Anas. 1403H/1982M. *Muwatta' Imam Malik*. English Translation by Muhammad Rahimuddin. New Delhi: Kitab Bhavan.
- _____. 1415H/1994M. *Al-Mudawwanah al-Kubra*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Shihab al-Din. 1379H/1959M. *Fath al-Bari bi Sharh al-Bukhari*. Cairo: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- _____. 1414H/1993M. *Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sheikh Nizam wa Jama'ah min 'Ulama' al-Hind. 1406H/1986M. *Al-Fatawa al-Hindiyyah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Haskafi, Muhammad 'Ala' al-Din. t.th. *Sharh al-Durr al-Mukhtar*. Cairo: Maktabah wa Matba'ah Muhammad 'Ali Sabih wa Awladuh.
- Husayn, Sayyid 'Abd Allah. 1378H/1958M. *Al-Ajwibah al-Khafifah*. Cairo: al-Maktabah al-Mahmudiyyah al-Tijariyyah.
- Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr b. Mas'ud. t.th. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Majallat al-Ahkam al-'Adliyyah*.
- Al-Marghinani, Burhan al-Din. t.th. *Al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Al-Maktabah al-Islamiyya.
- Al-Sarakhsi, Shams al-Din. 1406H/1986M. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shaybani, Muhammad b. al-Hasan. 1406H/1986M. *Al-Jami' al-Saghur*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Al-Zayla'i, Fakhr al-Din. t.th. *Tabyin al-Haqiq Sharh Kanz al-Daqa'iq*. Cairo: Dar al-Kitab al-Islami.
- Ibn Farhun, Burhan al-Din. 1302H/1884M. *Tabṣirat al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*. Cairo: al-Matba'ah al-Bahiyah.
- Ibn Juzayy, Abu al-Qasim. t.th. *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. Beirut: Maktabah Usamah b. Zayd.
- Ibn Rushd, Muhammad b. Ahmad. t.th. *Bidayat al-Muytahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Mawaq, Abu 'Abd Allah Muhammad b. Yusuf. 1412H/1992M. *Al-Taj wa al-Iklil li Mukhtasar Khalil*, cetakan di tepi *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar Khalil*. Dar al-Fikr.
- Al-Qarafi, Shihab al-Din. t.th. *Al-Furuq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Qurtubi, Abu 'Umar. 1407H/1987M. *Al-Kafi fi Fiqh Ahl al-Madinah al-Maliki*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ansari, Abu Yahya Zakariyya. 1414H/1994M. *Fath al-Wahhab bi Sharh Minhaj al-Tullab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Bayjuri, Ibrahim. t.th. *Hashiyat al-Bayjuri*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Sharqawi, Ḥabīb Allāh. 1309H/1891M. *Hashiyah ḥala Sharh al-Tahrir li Zakariyya al-Anṣari*. Cairo: al-Matba‘ah al-Maymāniyyah.
- Al-Dimashqī, Abū Ḥabīb Muḥammad. 1407H/1987M. *Rahmat al-Ummah fi Ikhtilaf al-A’imma*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamid Muḥammad b. Muḥammad. 1399H/1979M. *Al-Wajiz fi Fiqh Madhab al-Imām al-Shāfi‘i*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Jamālī, Sulaymān. t.th. *Hashiyat al-Jamāl ḥala Sharh al-Minhāj*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Al-Khatib, Muḥammad al-Sharbī. 1377H/1958M. *Mughnī al-Muhtaj*. Cairo: Shirkah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī wa Awdadūh.
- _____. t.th. *Al-Iqna fi Hall Alfaz Abi Shujā*. Dar al-Fikr.
- Al-Nawawī, Muhyī al-Dīn Abu Zakariyyā Yāhiya b. Sharaf. 1377H/1958M. *Minhāj al-Talibīn*. Cetakan bersama *Mughnī al-Muhtaj*. Cairo: Shirkah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī wa Awdadūh.
- _____. 1349H/1929M. *Sahīh Muslim bi Sharh al-Nawawī*. Al-Matba‘ah al-Misriyyah.
- Al-Shāfrānī, Ḥabīb al-Wahhab. 1359H/1940M. *Al-Mizan al-Kubrā*. Cairo: Shirkah Maktabah wa Matba‘ah Muṣṭafā al-Babī al-Halabī wa Awdadūh.
- Al-Shirāzī, Abū Ishaq. 1416H/1995M. *Al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imām al-Shāfi‘i*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bahūtī, Maṇṣūr b. Yunus. 1402H/1982M. *Kashshaf al-Qina‘ ‘an Matn al-Iqna*. Beirut: Dar al-Fikr.
- _____. t.th. *Sharh Muntaha al-Iradat*. Beirut: ‘Alām al-Kutub.
- _____. 1406H/1986M. *Al-Rawd al-Murbī bi Sharh Zad al-Mustaqnī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi.
- Ibn Duyān, Ibrāhīm b. Muḥammad. 1404H/1984M. *Manar al-Sabil Sharh al-Dalil*. Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Ibn Qudāmah, Muwaffaq al-Dīn. 1367H/1947M. *Al-Mughnī li ibn Qudāmah*. Dar al-Manar.
- Al-Qārī, Ahmad b. Ḥabīb Allāh. 141H/1981M. *Kitāb Majallat al-Ahkām al-Shāfi‘iyyah*. Saudi Arabia: Matbu‘at Tihāmah.
- Al-‘Aynī, Badr al-Dīn. t.th. *Umdat al-Qārī Sharh Sahih al-Bukhārī*. Dar al-Fikr.
- Taha, Jabbar Sabir. 1404H/1984M. *Iqamat al-Mas’ūliyyah al-Madaniyyah ‘an al-‘Amal Ghayr al-Mashru‘ ḥala Unsur al-Darar*. Matba‘ah Jami‘ah Salāh al-Dīn.
- Al-Khāfiṭ, ‘Alī. t.th. *Al-Daman fi al-Fiqh al-Islami*. Cairo: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Shāfi‘i, Muḥammad b. Idrīs. 1413H/1993M. *Ikhtilaf al-Hadīth*. Cetakan bersama *al-Umm*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zuhaylī, Wahbā Muṣṭafā. 1416H/1995M. *Al-Mas’ūliyyah al-Nashī‘ah ‘an al-Ashyā’*, dalam *Majallat al-Majma‘ al-Fiqhi al-Islami*. Mekah: Rabitat al-‘Alām al-Islami.
- Undang-undang Sivil Jordan*, 1976.
- Undang-undang Sivil Emiriyah Arab Bersatu*.
- Undang-undang Sivil Iraq*, 1959.
- Undang-undang Muamalat Sivil Sudan*, 1984.
- Undang-undang Sivil Libya*, 1953.
- Undang-undang Sivil Syria*, 1949.
- Undang-undang Sivil Lubnan*, 1932.

Undang-undang Sivil Marakish, 1912.

Undang-undang Sivil Mesir, 1948.

Undang-undang Sivil Tunisia, 1906.

Jabatan Syariah

Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi

Selangor Darul Ehsan

